



Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

8.1

Pengasasan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

Buku Teks: m.s. 138 – 145

- Apakah kerajaan yang terawal sekali diasaskan di negara kita?
A Kerajaan Melaka
B Kerajaan Kedah
C Kerajaan Perak
D Kerajaan Pahang

- Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pengasasan kerajaan Kedah.

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

Menurut catatan tersebut, pengasas pertama kerajaan Kedah berasal dari

- A Siam
- B Arab
- C Parsi
- D Yunani

- Maklumat berikut berkaitan dengan pengasasan kerajaan Kelantan.

Diasaskan pada tahun 1762

Sultan yang manakah telah mengiktiraf pengasasan kerajaan tersebut?

- A Sultan Johor
- B Sultan Pahang
- C Sultan Terengganu
- D Sultan Perak

- Pembinaan kota berikut telah dilakukan pada tahun 1667.

Kota Jelasin

Antara berikut, pemerintah yang manakah telah menguasai kota tersebut?

- A Cik Siti Wan Kembang
- B Puteri Saadong
- C Raja Bahar
- D Long Yunus

- Maklumat berikut berkaitan dengan pengasasan kerajaan Negeri Sembilan.

Tahun	Peristiwa
1770	Penghulu Luak menjemput anak raja Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan.

Antara berikut, Penghulu Luak yang manakah terlibat dengan peristiwa tersebut?

- I Penghulu Sungai Ujong
- II Penghulu Tampin
- III Penghulu Jempol
- IV Penghulu Johol
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Bandar berikut telah berkembang sebagai ibu kota negeri Perlis.

Kangar

Apakah yang menjadi asas kepada pembinaan bandar Kangar?

- A Pembinaan Kota Sena
- B Pembinaan bandar Arau
- C Pembinaan bandar Alor Setar
- D Pembinaan Kota Kayang

8.2

Hubungan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan Negeri-negeri Melayu yang Lain

Buku Teks: m.s. 146 – 151

7. Tokoh berikut telah berjaya menyatukan Kelantan.

Long Yunus

Apakah kerajaan lain yang telah membantu baginda dalam usaha penyatuan Kelantan?

- I Kerajaan Terengganu
- II Kerajaan Pattani
- III Kerajaan Johor
- IV Kerajaan Reman
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Apakah bentuk mata wang yang digunakan untuk menjalankan aktiviti perdagangan di pelabuhan berikut?

Pangkalan Galoh, Kelantan

- A Mata wang logam dinar
- B Mata wang katun
- C Mata wang kupang
- D Mata wang bongkah

9. Apakah barang dagangan yang dibawa oleh pedagang berikut untuk diperdagangkan di pelabuhan Kedah?

Pedagang Melaka

- I Ikan kering
- II Papan
- III Tembaga
- IV Kapur barus
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Maklumat berikut merujuk kepada barang dagangan yang dibawa oleh pedagang tempatan di negara kita.

Emas urai

Apakah pedagang yang memperdagangkan barangan tersebut?

- A Pedagang Johor
- B Pedagang Selangor
- C Pedagang Kelantan
- D Pedagang Kedah

11. Apakah tujuan hubungan dijalinan dengan negeri-negeri Melayu lain?

- A Mewujudkan persaudaraan
- B Mewujudkan perpaduan
- C Memantapkan pentadbiran
- D Mengucapkan terima kasih

12. Antara berikut, kerajaan yang manakah mula menggunakan mata wang dalam urusan perdagangan?

- I Kedah
- II Kelantan
- III Perlis
- IV Negeri Sembilan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV